

Majlis Penyampaian Sijil Kursus Pensijilan Pentadbiran Tanah (Land Administration Certificate – LAC) Tahun 2025

Majlis Penyampaian Sijil Kursus Pensijilan Pentadbiran Tanah (Land Administration Certificate – LAC) telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, NRES pada 3 Oktober 2025 (Jumaat).

Tahniah kepada seramai 32 peserta yang telah berjaya menamatkan Kursus Pensijilan Pentadbiran Tanah (Land Administration Certificate – LAC) Tahun 2025.

Daripada jumlah itu:

- 20 peserta dari JKPTG
- 8 peserta dari PTG & PDT
- 4 peserta dari Kementerian/Jabatan lain

Majlis turut diserikan dengan:

- Ucapan Aluan oleh – Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN
- Ucapan Penghargaan dan Penyerahan Sijil oleh – YBhg Datuk Muhammad Yasir bin Yahya, Setiausaha Bahagian Tanah, Ukur & Geospasial

Bidang pentadbiran tanah merupakan aspek penting dalam tadbir urus negara. Justeru, ilmu dan kemahiran yang diperolehi daripada kursus ini diharapkan dapat dimanfaatkan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan tanah serta menyokong agenda pembangunan negara.

INSTUN percaya pencapaian ini bukanlah titik noktah, sebaliknya permulaan kepada usaha berterusan dalam memperkukuh profesionalisme serta integriti pegawai-pegawai tanah di seluruh negara.

Tahniah sekali lagi diucapkan kepada semua penerima sijil!





